

<b>Headline</b>	<b>Pusat Konvensyen tanam pokok</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>		
<b>Date</b>	<b>03 May 2012</b>	<b>Color</b>	<b>Black/white</b>
<b>Section</b>	<b>Dlm Negeri</b>	<b>Circulation</b>	<b>197,952</b>
<b>Page No</b>	<b>26</b>	<b>Readership</b>	<b>833,287</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>66 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 868</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 2,604</b>



## **Pusat Konvensyen tanam pokok**

KUALA LUMPUR 2 Mei - Sebanyak 21 anggota pasukan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (Pusat Konvensyen) telah menanam 60 batang pokok daripada spesies dalam bahaya, iaitu Shorea roxburghii atau nama tempatannya, Meranti Temak Nipis, di Taman Botani Kepong, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dekat sini baru-baru ini.

Program itu diadakan bagi meraikan Minggu Bumi 2012 yang berlangsung pada 16-22 April lalu.

Selain itu, Pusat Konvensyen juga telah membina 'Pokok Ikrar' setinggi kira-kira empat meter yang menggantung ikrar 133 anggota pasukan kepada Bumi yang ditulis pada kad berupa daun.

Ikrar tersebut ditambah kepada sebanyak 100,000 lagi ikrar hijau yang diperlukan untuk memasuki Buku Rekod Malaysia dan juga sejumlah satu bilion ikrar hijau di seluruh dunia untuk menjadikannya pergerakan perkhidmatan alam sekitar terbesar di dunia.